

KAJIAN BAGI MENGENALPASTI KAREKTOR FIZIKAL DAN
SOSIO-BUDAYA BANDAR: KAJIAN KES
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH

AFFENDI BIN AHAMAD

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Senibina

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

April 2004

**Istimewa untuk abah, mak, Lisa, anak-anak (Yasmin, Q.Aizet & Q.Haiqal) dan adik-adik
tersayang. Terima kasih atas segalanya.....**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur setinggi-tingginya kehadiran Allah s.w.t, dengan berkat dan limpah kurnia-Nya; dapat saya menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Shuhana Shamsuddin dan Prof. Madya Dr. Ahmad Bashri Sulaiman. Atas kesungguhan mereka dalam membimbing dan memberi dorongan, akhirnya segala kesukaran dan cabaran semasa menjalankan penyelidikan ini telah dapat diatasi. Terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Syed Zainol Abidin Idid dan En. Chau Loon Wai yang juga banyak membantu disepanjang tempoh penyelidikan ini. Selain itu, tidak dilupakan kepada Prof. Madya Kamaruddin Mohd. Ali, En. Zambri Hussein dan Pn. Hamidah Ahmad yang turut memberikan pandangan semasa sama-sama menjalankan kajian "*Developing a Guideline for Designing Urban Intervention in Places of Historical and Cultural Significance in Malaysia*".

Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah-pensyarah Fakulti Alam Bina dan para pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah atas bantuan yang telah diberikan secara langsung mahupun tidak. Terima kasih.

ABSTRAK

Cabaran utama dalam usaha pemeliharaan bandar lama ialah sejauhmana perubahan bagi memenuhi keperluan semasanya dapat diambilkira tanpa mengetepikan karektor istimewa yang perlu dipertahankan untuk kepentingan warisan dan identiti bandar. Penyelidikan ini akan memperjelaskan tentang asas pembentukan karektor sesebuah persekitaran dan mengenalpasti pendekatan yang bersesuaian untuk tujuan kajian tersebut. Dengan menjadikan pusat bandaraya Melaka sebagai kajian kes, pendekatan yang telah dikenalpasti seterusnya digunakan untuk menentukan apakah sebenarnya karektor yang penting bagi bandaraya tersebut. Penemuan akhir penyelidikan ini akan menghuraikan tentang beberapa perkara penting. Pertamanya didapati, karektor merupakan kualiti-kualiti yang terhasil daripada gabungan pelbagai elemen bandar. Justeru, sesuatu kajian karektor bandar perlulah melibatkan penelitian terhadap 'elemen' dan 'kualiti' yang terkandung di dalam persekitaran sesebuah bandar. Keduanya didapati, setiap kajian bagi mengenalpasti karektor penting sesebuah persekitaran perlulah melibatkan maklumat berdasarkan kajian visual dan maklumbalas daripada pengguna bandar yang dianalisa secara kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahannya tersendiri, namun penggunaanya secara bersama didapati lebih wajar untuk hasil yang lebih tepat dan lengkap. Akhir sekali didapati, elemen-elemen yang menyumbangkan karektor persekitaran bandar dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu; struktur fizikal, ruang, elemen landskap dan aktiviti. Di samping itu, kualiti-kualiti yang penting pula dapat dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu; makna, aktiviti dan fizikal.

ABSTRACT

The greatest challenge in the effort of urban conservation is to determine how changes can fulfill the demand of the present without jeopardizing its unique character and for the sake of urban heritage and identity value. This research will explain the basis of character formulation of the environment as well as determining the right approach for this type of study. By having Melaka City as a case study, the selected approach is exercised to determine the important character of the city. The final findings of the research will list out a few important considerations. Firstly, the character is a result of integration between various urban elements. Thus a study on urban character must include detail analysis of 'elements' and 'qualities' found in the urban environment. Secondly, a study of the important character of the environment should include information based on the visual study as well as qualitative analysis of the city dweller's feedback. Both approaches have their advantages and limitations. Nevertheless, with the integration of both approaches would ensure a more accurate and complete result. Lastly, elements that create the character of environment can be divided into four categories namely physical structure, space, landscape elements and activities. Added to that, the important qualities can be classified into three main aspects that is meanings, activity and physical.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Borang Pengesahan Status Tesis	
	Judul	
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	<i>Abstract</i>	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xiv
	Senarai Lampiran	xix

BAB I**PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Isu dan Masalah	2
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	6
1.4 Metodologi dan Teknik Kajian	7
1.5 Skop Penyelidikan	11
1.6 Kawasan Kajian	12
1.7 Struktur Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	16

BAB II**PEMAHAMAN KONSEP: KAREKTOR DAN
PERSEKITARAN BANDAR**

2.0 Pendahuluan	20
2.1 Definisi dan Konsep; Karektor	20
2.2 Kepentingan Karektor	23
2.2.1 Karektor dan Konsep Tempat	23
2.2.2 Karektor dan Alam Persekitaran	26
2.2.3 Karektor dan Ruang Bandar	28
2.2.4 Karektor dan Identiti	29
2.2.5 Karektor dan Imej	30
2.3 Pemahaman terhadap Asas Karektor	33

	Persekitaran Bandar	
	2.4 Komponen yang Menyumbangkan Karektor Persekitaran Bandar	37
	2.5 Kesimpulan	45
BAB III	KAEDAH DAN TEKNIK PENYELIDIKAN	
	3.0 Pengenalan	46
	3.1 Skop Penyelidikan	46
	3.2 Metodologi Penyelidikan berdasarkan Kajian Literatur	48
	3.3 Metodologi Kajian Yang Dijalankan	50
	3.4 Teknik Penyelidikan	51
	3.4.1 Teknik Bagi Analisis Kuantitatif	52
	3.4.2 Teknik Bagi Analisis Kualitatif	55
	3.5 Kesimpulan	61
BAB IV	BANDAR MELAKA: KAJIAN GAMBARAN MENYELURUH	
	4.0 Pengenalan	62
	4.1 Latarbelakang Sejarah	63
	4.1.1 Morfologi Bandar	64
	4.2 Imej dan Corak Bandar	72
	4.2.1 Pengangkutan dan lalulintas	75
	4.2.2 Ruang Bandar	77

4.2.3 Skap Jalan	79
4.2.4 Skap Bumbung	83
4.2.5 Elemen Landskap	85
4.2.6 Susunatur Bangunan	87
4.2.7 Garis Langit	88
4.2.8 <i>Grain</i> dan Ira	89
4.2.9 Aktiviti dan Kebudayaan	89
4.3 Perincian Ciri-ciri Persekitaran Mengikut Blok	92
4.4 Kesimpulan	105

BAB V

ELEMEN DAN KUALITI YANG MENYUMBANGKAN PEMBENTUKAN KAREKTOR BANDAR; ANALISA PE RSEPSI RESPONDEN

5.0 Pengenalan	106
5.1 Elemen-elemen yang Menyumbangkan Pembentukan Karektor Persekitaran Bandar	107
5.1.1 Struktur Fizikal	107
5.1.2 Elemen Landskap	112
5.1.3 Aktiviti	115
5.1.4 Ruang	118
5.2 Lokasi dan Fungsi Elemen Dalam Penstrukturan Bandar	120

5.3 Kualiti yang Menyumbangkan Pembentukan Karektor Persekitaran Bandar	127
5.3.1 Kualiti dari Aspek Fizikal	127
5.3.2 Kualiti dari Aspek Aktiviti	147
5.3.3 Kualiti dari Aspek Makna	150
5.4 Kesimpulan	155

BAB VI

RUMUSAN

6.0 Pengenalan	156
6.1 Agenda Penyelidikan	156
6.2 Penemuan Utama Penyelidikan	157
6.2.1 Pembentukan Karektor dan Kaitannya Dengan Imej dan Identiti Bandar	157
6.2.2 Kaedah Dalam Kajian Karektor Persekitaran Bandar	159
6.2.3 Karektor Bandar Kajian	161
6.3 Kesimpulan	166

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Elemen yang Membentuk Karektor Persekitaran Bandar Menurut Garnham, 1985	38
2.2	Elemen yang Membentuk Karektor Persekitaran Bandar Menurut Manley & Guise, 1998	39
2.3	Elemen yang Membentuk Karektor Persekitaran Bandar Menurut <i>Department of Planning of Urban Development, Western Australia</i> , 1995	40
2.4	Elemen yang Membentuk Karektor Persekitaran Bandar Menurut <i>English Partnership</i> , 2000	41
2.5	Aspek-aspek di dalam Karektor Persekitaran Bandar Berdasarkan Kajian Literatur	44
3.1	Pengiraan Saiz dan Paras Keyakinan Persampelan <i>Random</i>	53
3.2	Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di dalam kawasan Bandaraya Melaka bagi tahun 2000	54
3.3	Jumlah Responden Mengikut Kaum	55
5.1	Elemen Penting dan Disukai Berdasarkan Kajian Soalselidik	108

5.2	Bangunan Yang Kerap Dilukiskan di dalam Peta Mental	110
5.3	Struktur Bukan Bangunan yang Kerap Dilukiskan di dalam Peta Mental	111
5.4	Jenis Elemen Lanskap Yang Kerap Dirujuk di dalam Peta Mental dan Soalselidik	112
5.5	Tempat-tempat Menarik Berdasarkan Kajian Soalselidik	113
5.6	Jenis Ruang Yang Kerap Dilukiskan di dalam Peta Mental	119
5.7	Frekuensi Elemen Yang Dilukiskan Oleh 30 Responden	126
5.8	Kualiti-kualiti Dari Aspek Fizikal Yang Penting Berdasarkan Kajian Temubual	128
5.9	Ciri-ciri Bangunan Mengikut Tahap Kepentingan Berdasarkan Kajian Soalselidik	129
5.10	Ciri-ciri Jalan Mengikut Tahap Kepentingan Berdasarkan Soalselidik	142
5.11	Kualiti-kualiti Dari Aspek Aktiviti dan Makna Yang Penting Berdasarkan Kajian Temubual	146
6.1	Jenis Elemen Penting di dalam Bandar Kajian	165
6.2	Jenis Kualiti Penting di dalam Bandar Kajian	166

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kawasan Kajian	12
1.2	Lokasi Bandar Kajian	13
1.3	Carta alir Kajian	19
2.1	<i>What is Character?</i>	21
2.2	Bagaimanakah untuk menerangkan tentang karektor kawasan?	35
2.3	Asas Pembentukan Karektor Persekitaran Bandar	36
4.1	Lukisan menunjukkan pertempuran antara Angkatan Laut Portugis dan Belanda di Melaka pada tahun 1606	65
4.2	Pelan Struktur Penuh Bandar Kubu pada Zaman Penjajahan Portugis, 1604	65
4.3	Peta Laluan Pelayaran oleh Kapal-kapal Pedagang Lukisan Tangan yang tercatat Dalam Bab ke 240, Buku Wu-Pei Chih	65
4.4	Morfologi Melaka (1613)	66
4.5	Dutch Square pada Zaman Penjajahan Belanda dan Stadthuys Square pada Awal 1830-an	67
4.6	Jambatan Tan Kim Seng	67

4.7	Morfologi Melaka (1753)	67
4.8	Jambatan Tan Kim Seng dan Sungai Melaka	68
4.9	Gambar Tahun 1910 Menunjukkan Porta de Santiago yang telah Terbiar Selepas Sebahagian Besar Bahagian Kota yang Lain Dimusnahkan oleh Pihak Inggeris	69
4.10	Gambar Tahun 1890 Memperlihatkan Keadaan Muara Sungai Melaka Yang Kurang Aktif Kerana Pihak Pemerintah (Inggeris) Lebih Cenderung Menjadikan Georgetown dan Singapura Sebagai Pusat Ekonomi	69
4.11	Lakaran Pemandangan Dari Sg. Melaka Yang Menunjukkan Jambatan Besi Yang Menghubungkan Kawasan Sebelah Barat Bandar Yang Dilukis oleh Monsieur Lauvergne Sekitar 1837	69
4.12	Pemandangan di Jonker Street Menghala ke Bukit St Paul pada Tahun 1890	69
4.13	Morfologi Melaka (tahun 1916)	71
4.14	Pandangan Dari Bukit St. Paul Ke arah Selat Melaka	74
4.15	Sg. Melaka yang Memisahkan Bandar Kajian Kepada Dua Bahagian	74
4.16	Elemen-elemen Imej Bandar Berdasarkan Kajian Visual	75
4.17	Mall	79



4.18	Perbezaan Ketinggian Bangunan dan Bentuk Tibar Layar	80
4.19	Lakaran Pandangan Dari Jalan Hang Lekiu ke arah Jalan Kampung Pantai	81
4.20	Bangunan Di Sudut Persimpangan Jalan Hang Jebat dan Hang Lekir	81
4.21	Bangunan di Persimpangan Jalan Bendahara dan Jalan Temenggung	81
4.22	Penggunaan Warna dan Hiasan Yang Menarik Bangunan Kafe Geografer	82
4.23	Penggunaan Warna dan Hiasan Yang Menarik Bangunan Discovery Café	82
4.24	Ukiran Mitologi Cina pada Dinding Bangunan Persatuan Eng Choon	82
4.25	Penggunaan Papan Tanda Perniagaan Tradisional di Tiang-tiang Bangunan	83
4.26	Sebahagian Dari Pandangan Harmoni Skap Bumbung di Kawasan Rumah Kedai Lama	84
4.27	Pandangan di Jeti Bot Pelancong yang Terletak di Pinggir Jalan Quay Side	85
4.28	Jalan Laksmana-Lorong Yang Dilanskap Untuk Laluan ke Bahagian Belakang Bangunan (di Pinggir Sg. Melaka)	87
4.29	Elemen Lanskap Lembut di dalam Ruang Kecil	87
4.30	Gerai-gerai Cenderamata atau Kraftangan	91

	di sekitar Bandar Hilir	
4.31	Bumbung Sengkuap (kiri) dan Sistem Tiang dan Alang Cina (kanan)	93
4.32	Keadaan Bangunan yang Tidak Mempunyai Koridor	94
4.33	Lubang-lubang Pada Bahagian Dinding Koridor Bangunan	94
4.34	Bangunan Bernombor 129 (Chee House)	94
4.35	Bangunan Usang Berhadapan Muzium Warisan Baba dan Nyonya	94
4.36	Pandangan Sebuah Lorong ke Arah Jalan Hang Jebat	96
4.37	Pemusnahan Bangunan Nombor 90, Jalan Hang Jebat	96
4.38	Lokasi Pelbagai Bangunan Institusi Keagamaan di Sepanjang Jalan Harmoni	97
4.39	Pertukangan Besi dan Menganyam Bakul	98
4.40	Geari-gerai Sementara di Hadapan Tokong Cheng Koon Teng	99
4.41	Gerai di Jalan Kampung Pantai	100
4.42	Bentuk Jalan Kampung Pantai	100
4.43	Jalinan Simbolik Tokong Cina Di Jalan Kampung Pantai Dengan Surau Kampung Jawa	100
4.44	Pandangan Di Sebuah Lorong di Kampung Pantai	101

4.45	Pandangan Warna Bangunan di Jalan Laksmana	102
4.46	Pandangan Gerai MARA di Jalan Laksmana	102
4.47	Bangunan di Persimpangan Jalan Bendahara	103
4.48(a)	Bunga Raya Square di Jalan Bunga Raya	104
4.48(b)	Discovery Café di Persimpangan jalan Bunga Raya dan Jalan Temenggung	104
4.49	Penggunaan Papan Tanda Perniagaan Yang Tidak Terkawal	105
4.50	Pandangan Tidak Menarik Kesan Pembangunan Baru	105
5.1	Contoh Peta Mental Lengkap	124
5.2	Contoh Peta Mental Segmen	124
5.3	Contoh Peta Mental Bersiri	125
5.4	Contoh Peta Mental Ringkas	125
5.5a	Taburan Corak Senibina Bangunan Rumah Kedai	132
5.5b	Taburan Corak Senibina Bangunan Sesebuah	132
5.6	Isipadu Lalulintas	142

SENARAI LAMPIRAN**NO. LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|--|
| 1 | Senibina Bangunan |
| 2 | Hasil Kajian Soalselidik |
| 3 | Kandungan Soalselidik |
| 4 | Panduan Melakar Peta Mental dan Panduan
Temubual |
| 5 | Taburan Jenis Guna Bangunan Bagi Premis
Tingkat Bawah |
| 6 | Taburan Jenis Guna Bangunan Bagi Premis
Tingkat Satu |
| 7 | Taburan Ketinggian Bangunan |
| 8 | Jalan-jalan Utama |



BAB I

KAJIAN BAGI MENGENALPASTI KAREKTOR FIZIKAL & SOSIO BUDAYA BANDAR: KAJIAN KES BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Karektor merupakan perkara asas yang mempengaruhi identiti mahupun imej sesebuah bandar. Karektor seperti bentuk, warna, susunan binaan juga dapat mewujudkan imej mental yang jelas terhadap persekitaran sesuatu bandar (Sanoff,1991). Oleh itu, karektor memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan imej bandar yang bersesuaian dan menarik. Di dalam konteks pembangunan dan pemeliharaan bandar lama, kajian tentang karektor bandar adalah penting bagi memastikan hubungkait yang seimbang antara unsur baru dan sediaada. Dengan itu, kajian ke atas karektor bandar perlu didahului sebelum usaha konservasi ataupun pembangunan semula dijalankan.

Menyedari hakikat tersebut kajian yang dijalankan ini akan memberi fokus untuk mengenalpasti kualiti fizikal dan sosio-budaya yang mempengaruhi karektor bandar kajian iaitu Melaka Bandaraya Bersejarah. Kajian ini dijangka akan memberi faedah yang besar terutamanya untuk pertimbangan terhadap usaha-usaha pembangunan dan pemeliharaan di bandar kajian.

1.1 **Penyataan Isu dan Masalah**

Pemeliharaan bandar lama bukanlah merupakan rintangan kepada kemajuan, malah ia dapat mewujudkan persekitaran yang lebih harmoni di antara yang moden dan yang lama. Lebih dari itu, bandar lama merupakan bukti penting tentang warisan dan sejarah yang kita miliki (Ahmad Bashri, 2000). Bagaimanapun, hakikat ini masih belum dapat diterima oleh semua pihak di negara kita. Keadaan ini mungkin berpunca daripada tahap apresiasi yang rendah terhadap kualiti sejarah, seni bina dan budaya berbanding dengan aspek lain seperti ekonomi dan seumpamanya (Patricia Tusa Fels di dalam Syed Zainol Abidin Idid, 1995 dan Khoo Su Nin, 1993).

Usaha pemeliharaan bandar lama di Malaysia masih jauh di tahap rendah berbanding dengan negara barat. Sebagai contoh perbandingan: *Squire Hays Homestead* yang dibina pada tahun 1806 di Pennsylvania tidak dirobuhkan walaupun dalam keadaan terpaksa. Bangunan berstruktur konkrit itu telah diselamatkan dengan tindakan memindahkannya ke tempat baru yang lebih sesuai tanpa mengubah karektor asal bangunan tersebut. Pemindahan ini menelan belanja yang besar dan memerlukan tahap kesungguhan yang tinggi kerana usaha tersebut amatlah rumit memandangkan hayat bangunan yang telah begitu lama (Frank Stella di dalam Hafizah Yaakub, 1985). Di Malaysia pastinya usaha pemeliharaan masih jauh dari tahap sebegini. Malahan banyak bangunan dan kawasan yang mempunyai nilai sejarah telah dimusnahkan walaupun masih ada langkah menyelamatkannya yang boleh diambil (Patricia Tusa Fels di dalam Syed Zainol Abidin Idid, 1995). Lanjutan dari pemusnahan itu pula, wujudlah bangunan-bangunan baru yang telah mengubah karektor persekitaran bandar di mana ianya dibina tanpa mengikut prinsip-prinsip pemeliharaan yang sewajarnya (New Straits Times, 8 Nov. 2000).

Bandar kajian juga tidak terlepas dari masalah ini. Pada bulan Ogos 2000, sebuah dari bangunan rumah kedai dua tingkat yang merupakan tinggalan zaman Belanda pada abad ke-18 dengan sewenang-wenangnya telah dirobuhkan untuk pembinaan hotel empat tingkat (The Star, 7 Ogos 2000). Bangunan

tersebut adalah salah sebuah dari tiga bangunan rumah kedai yang dicadangkan untuk dirobohkan bagi tujuan tersebut (no. 90, 92, 94, Jalan Hang Jebat). Disebalik tindakan meroboh itu, bandar kajian bukan sahaja berhadapan dengan masalah perubahan karektor fizikalnya, malahan menghakis kualiti budaya yang ada pada bandar tersebut.

Di samping itu, bandar kajian juga berhadapan dengan masalah dari tekanan pembangunan. Peningkatan nilai hartanah di kawasan pusat bandar telah menggalakkan para pemilik tanah dan pemaju untuk mengaut keuntungan yang lebih besar melalui pemusnahan dan pengubahan fabrik bandar bagi memenuhi nilai-nilai komersil. Fukuda Kishino dari Yokohama International University dalam tulisannya menerusi *New Straits Times* bertarikh 8 November 2000, menyatakan banyak bangunan-bangunan istimewa di bandar kajian telah mengalami pemusnahan dan perubahan tanpa garis panduan pemeliharaan yang wajar. Menurut beliau lagi, selain bangunan terdapat juga perubahan karektor skap jalan kepada bentuk dan sifat yang boleh mengelirukan dan bertentangan dengan nilai budaya dan sejarah seperti penggunaan bahan dan warna bangunan yang tidak bersesuaian.

Kebelakangan ini pula, terdapat banyak rungutan masyarakat awam terhadap Pihak Berkuasa Tempatan melalui media massa yang menuntut supaya mengambil peranan yang lebih tegas bagi memantau tindakan pemaju yang mengabaikan nilai sejarah dan warisan dalam pembangunan semula bandar (Draf Pelan Tindakan Kawasan Pemeliharaan Zon 1, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, 2002). Kesedaran mereka telah mewujudkan suatu tentangan yang kuat terhadap pemaju yang banyak menjejaskan keaslian bandar kajian. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah sendiri dalam masa yang sama masih tidak mempunyai sebarang garis panduan khusus dan menyeluruh yang dapat mengawal permasalahan ini. Sekiranya isu ini berterusan maka semakin banyak kerosakan karektor istimewa bandar tersebut berlaku.

Pemansuhan Akta Kawalan Sewa (1966) memberi tamparan yang lebih hebat kepada bangunan-bangunan bersejarah terutamanya rumah-rumah kedai

lama yang terdapat di pusat bandar. Walaupun pada dasarnya kewujudan akta tersebut memberikan implikasi negatif terhadap usaha pemajuan hartanah di pusat-pusat bandar, namun ketiadaannya juga memberikan kesan terhadap langkah pemeliharaan bangunan yang mempunyai nilai sejarah. Kesan pemansuhan tersebut telah memberi peluang besar kepada pemilik hartanah untuk merobohkan bangunan mereka dan digantikan dengan bangunan baru yang dianggap lebih menguntungkan mereka (Syed Zainol Abidin Idid, 1995 dan Akta Kawalan Sewa, 1966).

Meskipun usaha menghidupkan semula bandar lama dapat menyelesaikan masalah efisiensi ekonominya, namun terdapat juga kesan yang membawa kemusnahan identiti bandar. Proses menghidupkan semula bandar biasanya melibatkan perubahan-perubahan tertentu ke atas fabrik bandar bagi memenuhi nilai-nilai komersil seperti untuk tujuan pelancongan dan sebagainya. Di samping itu, aspek sosio budaya bandar juga akan berubah akibat peningkatan nilai hartanah (Shuhana dan Ahmad Bashri, 1999). Ini termasuklah mengubahsuai guna bangunan kepada bentuk yang lebih menguntungkan dari sudut ekonomi. Proses ini tanpa disedari boleh menghakis karektor bandar. Sebagai contoh aktiviti kediaman dan kedai-kedai yang menjalankan perniagaan tradisional yang unik di pusat bandar lama akan bertukar kepada guna bangunan lain seperti hotel dan restoran (New Straits Times, 30 Ogos 2000). Lebih menyedihkan, perubahan yang dilakukan tidak langsung bersimpati dengan persekitarannya dimana bersifat moden dan tiruan (*artificial*) (Shuhana dan Ahmad Bashri, 1999).

Bagaimanapun, sesebuah tempat tidak dapat lari dari menerima perubahan dan tidak akan statik dari segi bentuk dan fungsinya. Sebagai artifak, ia akan berubah bagi memenuhi keperluan-keperluan yang baru. Begitu juga dengan tujuan pemeliharaan bandar, dimana ianya bukanlah satu tindakan untuk menghentikan masa tetapi bagi menyeimbangi secara sensitif tekanan perubahan yang pasti akan berlaku.

Justeru, terdapat juga pandangan yang berbeza tentang usaha pemeliharaan yang seharusnya dilaksanakan di bandar kajian. Terdapat pihak-pihak yang terlibat dalam bidang rekabentuk bandar (di bandar kajian) yang berpendapat bahawa pemeliharaan perlu disesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa bandar berkenaan (New Straits Times 10, 13 & 30 November, 2000). Dengan kata lain, pandangan ini membenarkan perubahan-perubahan tertentu ke atas bandar kajian untuk memenuhi fungsi-fungsi baru bandar kajian supaya dapat menjadi sebuah bandar dengan apa yang diistilahkan sebagai '*living monument*'. Langkah ini dikatakan wajar untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada masyarakatnya agar aktiviti di dalam bandar akan terus mapan (New Straits Times 10 November, 2000). Pandangan-pandangan yang berbeza ini pastinya mewujudkan kesan kepada falsafah dan usaha pemeliharaan bandar di mana tindakan atau usaha pemeliharaan yang diamalkan juga akan turut menghadapi perbezaan piawaiannya. Dengan erti kata lain, usaha pemeliharaan di bandar kajian akan terus berhadapan dengan masalah dan pertikaian.

Berdasarkan isu dan masalah semasa yang dibincangkan di atas, satu justifikasi yang menyeluruh perlu dibuat bagi mengenalpasti apakah karektor bandar yang benar-benar perlu dipelihara dan sebaliknya. Langkah tersebut bersesuaian dengan hasrat '*World Heritage Convention, Icomos, UNESCO, 1992*' untuk menggalakkan pengenalpastian, perlindungan dan pemeliharaan warisan budaya dan semulajadi seluruh dunia yang mempunyai nilai keunggulan yang tinggi kepada manusia. Selain itu, ia juga selari dengan objektif yang terkandung di dalam Washington Charter yang memberi penekanan kepada pengekalan karektor sejarah sesebuah bandar (ICOMOS, 1987).

1.2 Persoalan Kajian

Pengenalpastian karektor bandar merupakan usaha yang penting dalam mengekal dan memelihara bandar kajian sebagai sebuah bandaraya bersejarah. Ini bersesuaian dengan pendapat Garnham (1985) iaitu kesilapan utama yang berlaku

pada kebanyakan perancangan dan pembangunan baru adalah kegagalannya dalam mengenalpasti karektor unik sesebuah tempat dan tidak dapat mempertahankan kualiti-kualiti istimewa di dalamnya. Dalam memperbaiki kelemahan ini suatu pendekatan kajian yang bersesuaian amat diperlukan. Ini melibatkan beberapa langkah kajian, yang mana menjadi persoalan di dalam penyelidikan yang dijalankan:-

- a. Bagaimanakah kaedah yang bersesuaian untuk mengkaji karektor sesebuah persekitaran bandar?
- b. Apakah karektor-karektor penting dan perlu diberikan perhatian dalam memelihara persekitaran bandar kajian?
- c. Apakah asas pembentukan karektor di dalam sesebuah persekitaran dan karektor bagaimanakah yang dianggap penting?

1.3 Matlamat dan Objektif Penyelidikan

Matlamat kajian ini ialah; **'Mengkaji karektor fizikal dan sosio-budaya bandar yang penting dan menonjol serta berpotensi menyumbangkan identiti kepada persekitaran bandar kajian'**. Bagi mencapai matlamat yang telah digariskan, beberapa objektif telah dibentuk iaitu seperti berikut:

- a) Mengkaji asas pembentukan karektor sesebuah persekitaran dan perkaitannya dengan kewujudan imej dan identiti bandar.
- b) Mengenalpasti aspek dan kaedah yang bersesuaian dalam mengkaji karektor persekitaran bandar.
- c) Mengkaji karektor bandar kajian dari aspek fizikal dan juga sosio-budaya.

1.4 Metodologi dan Teknik Kajian

'Karektor' merupakan perkara asas di dalam penyelidikan yang akan dijalankan. Takrifan karektor dalam penyelidikan ini adalah umum, iaitu sebagaimana yang didefinisikan oleh Oxford University Press (1981) iaitu merupakan sifat atau ciri-ciri. Bagaimanapun ciri-ciri atau sifat yang akan dikenalpasti adalah merujuk kepada sumbangannya terhadap pembentukan imej dan identiti kepada bandar kajian. Sehubungan itu, karektor-karektor tersebut akan dikenalpasti melalui persepsi responden dan juga pengamatan visual oleh penyelidik.

Di dalam penyelidikan ini, fokus akan diberikan terhadap penyiasatan ke atas kualiti fizikal dan sosio budaya pusat bandar lama dimana keduanya adalah aspek terpenting dalam membentuk karektor bandar (Shuhana, 1997, Guise & Manley, 1998, dan Garnham, 1985). Kajian kualiti fizikal meliputi aspek semulajadi dan juga binaan manusia (Rapoport, 1977 dan Green, 1992). Merujuk kepada Shuhana (1997) ianya merangkumi tiga elemen asas iaitu jisim (seperti; bangunan, topografi dan tumbuhan), ruang (seperti; taman dan padang) dan juga laluan (seperti; jalan raya, laluan pejalan kaki dan sungai). Sementara itu, kualiti sosio budaya pula akan merujuk kepada makna budaya itu sendiri, iaitu unsur-unsur atau bentuk yang terhasil dari nilai, idea, cara hidup dan lain-lain sistem di dalam masyarakat (Edward B. Taylor di dalam Syed Zainol Abidin Idid, 1985). Dengan kata lain, kajian kualiti sosio-budaya ini akan meliputi segala aspek yang mempunyai kepentingan budaya dimana menurut definisi '*The Burra Charter*'; merangkumi nilai estetik, sejarah, saintifik atau sosial untuk generasi dahulu, sekarang dan yang akan datang.

Kajian karektor bandar ini akan dijalankan melalui tiga kaedah utama iaitu; i. kajian literatur ii. kajian persepsi responden dan iii. kajian visual oleh pengkaji;

a. Kajian literatur

Merupakan satu pendekatan yang perlu dijalankan untuk menstrukturkan pemahaman asas pengkaji kepada kajian yang dijalankan seperti definisi, teori dan pelbagai kaedah yang digunakan dalam kajian. Kajian secara teoritis ini dapat memberi panduan dan asas rujukan yang berguna kepada kajian seterusnya yang dijalankan secara empirikal. Di samping itu kajian tentang latarbelakang sejarah juga akan dibuat iaitu dari segi morfologi dan kronologi bandar terutamanya bagi mengenalpasti kepentingan sejarah dan budaya bandar kajian serta pembentukan identitinya.

b. Kajian Persepsi Responden

Kajian melalui persepsi responden akan melibatkan beberapa kaedah utama iaitu; soal selidik, lukisan peta mental, temubual dan mengecam gambar foto. Kajian ini dijalankan bagi melihat karektor-karektor asas bandar yang penting dari perspektif orang awam kerana merekalah yang mendiami, melihat, merasai, menggunakan dan seterusnya dapat menilai persekitaran tempat mereka dengan baik. Pengalaman intim mereka terhadap sesuatu persekitaran membolehkan pengkaji mengetahui mengenai kualiti visual dalam persekitaran yang luas secara jelas berdasarkan pengalaman mereka (Tridib Banerjee, 1996). Manley dan Guise (1998) juga berpendapat bahawa suatu penilaian karektor bandar yang baik seharusnya memberikan ruang untuk penglibatan masyarakat tempatan dalam kerja-kerja yang dijalankan.

Dari penelitian terhadap penyelidikan seumpama ini, penglibatan orang awam merupakan satu dari perkara penting dalam agenda penyelidik (seperti Lynch, Appleyard, Harrison dan Howard, Milgram, Garnham dan lain-lain). Tanpa penglibatan mereka sesuatu penilaian mahupun usaha pemeliharaan bandar tidak dapat dibuat secara seimbang dengan keperluan-keperluan mereka.

Justeru, Tridib Banerjee (1996) juga menyatakan bahawa kita tidak boleh menilai sesuatu tempat dan merancangannya tanpa mengetahui bagaimana masyarakatnya melihat dan menilai persekitaran tersebut. Kajian persepsi responden ini dapat dijadikan panduan untuk kajian visual terperinci yang akan di jalankan oleh pengkaji. Ini selaras dengan kenyataan Asa Briggs (1968) dan Jane Jacobs (1961) bahawa persekitaran yang serupa tidak semestinya menghasilkan pengalaman yang sama kepada individu yang berlainan. Oleh itu, melalui maklumbalas asas yang dikemukakan oleh responden, pengkaji akan dapat merekabentuk pendekatan dan penekanan yang bersesuaian dengan persepsi mereka dalam kajian visual yang akan dijalankan. Teknik kajian yang akan digunakan adalah seperti berikut;

i. Soal-selidik

Satu kajian soal selidik akan dijalankan dengan melibatkan 330 sampel bagi setiap kawasan kajian. Jumlah ini diambil bagi mencapai paras keyakinan 95% iaitu sebagaimana yang dicadangkan oleh De Vaus, 1991. Selain mendapatkan maklumat sosio-ekonomi, responden juga akan diminta memberikan persepsi mereka tentang elemen fizikal dan kebudayaan yang dianggap istimewa dan unik di kawasan kajian, ini termasuklah ciri-ciri elemen yang dinyatakan bagi menyokong alasan mereka. Set soalan akan direkabentuk berdasarkan kajian literatur iaitu meliputi persepsi orang awam mengenai karektor-karektor penting bandar yang berpotensi menyumbang identiti dan suasana tempat kepada bandar. Kesemua maklumat ini akan dianalisis melalui kaedah statistik dan diskriptif serta dibantu dengan perisian 'Pakej Statistik bagi Sains Sosial' (SPSS).

ii. Peta Mental

Sejumlah 30 orang responden akan dilibatkan dengan ujian kertas dan pensel. Jumlah tersebut adalah merujuk kepada beberapa penyelidikan yang telah dijalankan sebelum ini (seperti; Shuhana, 1997 dan Shuhana & Ahmad Bashri, 1999). Mereka diminta melakarkan peta mental secara ringkas. Peta mental ini merupakan petunjuk kepada elemen fizikal utama yang penting bagi responden dalam menstrukturkan kawasan kajian di dalam ingatan mereka. Ia juga sebahagian dari usaha untuk mengenalpasti elemen imej bandar seperti mana yang pernah dijalankan oleh Kevin Lynch (1960) di dalam kajiannya, *'The Image of the City'*. Kesemua maklumat dari pendekatan di atas akan dianalisis melalui kaedah kualitatif.

iii. Temubual

Kaedah temubual akan dijalankan ke atas orang awam dan juga agensi-agensy yang berkaitan dengan kerja-kerja pemeliharaan dan pembangunan di kawasan kajian. Menurut Shuhana (1997), temubual secara lisan, membolehkan maklumat yang sukar diperolehi melalui kaedah soal selidik atau yang berbentuk kualitatif dapat dikumpulkan. Di samping itu, melalui kaedah tersebut juga pengkaji dapat membuat siasatan dengan lebih terperinci mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan kajian. Bagi temubual orang awam, responden yang akan terlibat adalah seramai 30 orang. Penentuan jumlah responden tersebut dibuat berdasarkan kepada kesesuaian kajian seumpama ini sebagaimana yang telah di sarankan oleh Walker, 1985.

b. **Kajian visual**

Ianya akan dijalankan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat berkaitan ciri-ciri fizikal dan kebudayaan yang ketara di setiap bandar kajian secara terperinci. Penekanan khusus akan diberikan kepada karektor-karektor bandar yang dominan dan istimewa berdasarkan maklumbalas dari kajian persepsi responden yang dinyatakan di atas. Melalui kaedah ini analisis visual akan dijalankan dan hasilnya adalah huraian tentang bentuk dan karektor semasa bandar kajian. Kajian ini akan dijalankan melalui pemeriksaan penyelidik dari aspek fizikal dan sosio budaya pada bandar secara keseluruhan dan blok-blok di dalam bandar.

1.5 Skop Penyelidikan

Di dalam penyelidikan ini, pembatasan kajian telah dibuat berdasarkan beberapa faktor iaitu; kesesuaian penyelidikan, masa dan perolehan maklumat. Kajian ini akan mengenalpasti karektor bandar berasaskan kepada ciri-ciri fizikal dan sosio-budaya di dalam lingkungan kawasan kajian. Kedua-dua aspek tersebut diambilkira di dalam kajian ini kerana ia merupakan penyumbang penting kepada pengukuhan karektor sesebuah bandar (Shuhana, 1997).

Selain pemerhatian penyelidik, penilaian mengenai karektor bandar juga akan diperolehi dari persepsi orang awam. Fokus kajian ini tertumpu kepada tempat/kawasan yang mempunyai nilai sejarah di dalam pusat bandar lama. Tempat-tempat ini dikenalpasti melalui pewartaan kawasan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa yang terlibat dengan pemeliharaan bandar kajian.

1.6 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih dalam penyelidikan ini ialah kawasan teras sejarah bandar Melaka atau dikenali juga sebagai Kawasan Pemeliharaan (menurut Rancangan Struktur Negeri Melaka, 2001). Kawasan-kawasan ini termasuklah sekitar penempatan awal bandar Melaka yang meliputi Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Tengker, Jalan Hang Jebat, Jalan Hang Lekir, Jalan Hang Lekiu, Jalan Hang Lekir, Jalan Tukang Emas, Jalan Tukang Besi, Jalan Tokong, Jalan Kampung Pantai, Jalan Kampung Hulu, Jalan Laksmana, Jalan Temenggong, Kawasan Kompleks Sejarah Bukit St. Paul dan Kampung Morten (rujuk rajah 1.1).

Pemilihan kawasan liputan kajian ini berdasarkan kepada kepentingan nilai sejarahnya dimana ia menempatkan warisan budaya yang penting kepada Negeri Melaka dan Malaysia umumnya (Draf Pelan Tindakan Kawasan Pemeliharaan Zon 1, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, 2002). Kawasan teras sejarah ini menempatkan banyak monumen yang menjadi khazanah negara dan penting untuk tujuan seperti pendidikan, kebudayaan dan sumber ekonomi kepada generasi akan datang. Kawasan ini juga merupakan salah sebuah tempat yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada pihak UNESCO untuk disenaraikan sebagai '*World Heritage Site*' pada tahun 1998 dan 2000. Melaka merupakan satu-satunya bandar yang mencatatkan sejarah perbandaran yang terpanjang di Malaysia. Selama lebih 600 tahun, Melaka telah menempuhi pelbagai fasa perbandaran secara berperingkat (Patricia Tusa Fels, 1994). Sehingga kini, monumen seperti A Famosa, Gereja St. Paul dan Stadthuys masih berdiri megah dan menjadi bukti kepada kegemilangan Melaka.

Suatu ketika dahulu, Melaka sangat terkenal dan penting kepada orang-orang Eropah. Seorang berbangsa Portugis bernama Tome Pires yang pernah sampai ke Melaka pada tahun 1512 telah mencatatkan tentang kehebatan Melaka di dalam tulisannya yang bertajuk '*Suma Oriental*'. Beliau telah menggambarkan bahawa Melaka adalah sebuah tempat yang begitu



RAJAH 1.1
SEMPADAN
KAWASAN KAJIAN

Kajian Bagi Mengenalpasti
Karektor Fizikal Dan Sosio
Budaya Bandar: Kajian Kes
Bandaraya Melaka Bersejarah

Sumber: Pelan Tindakan Kawasan
Pemeliharaan Majlis Perbandaran Melaka
Bandaraya Bersejarah, 2002



masyhur sehingga pada pandangannya tidak ada tempat lain yang setanding dengannya pada ketika itu (Perbadanan Muzium Melaka, 1998). Di samping itu, seorang pembuat peta berbangsa German yang bernama Sebastian Munster telah membuat sebuah peta Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1552 dengan merujuk peta tersebut sebagai Melaka (Perbadanan Muzium Melaka, 1998). Semua ini menggambarkan kepada kita bahawa Melaka lebih terkenal berbanding dengan tempat-tempat lain di Tanah Melayu ketika itu.

Rajah 1.2: Lokasi Bandar Kajian



Bermula dari perbandaran awalnya yang ditubuhkan oleh Parameswara pada sekitar tahun 1396, Melaka telah menerima adunan pelbagai budaya samada dari dalam mahupun luar negara. Selain pedagang, budaya tersebut diserap dari penjajah yang datang bersilih ganti iaitu Portugis, Belanda, Jepun dan British (Perbadanan Muzium Melaka, 1998). Adunan ini telah menghasilkan sebuah perbandaran dengan persekitaran fizikal dan budayanya yang unik. Pada masa kini, warisan tersebut masih terpelihara dengan baik yang mana dianggarkan lebih 4408 monumen beserta pelbagai budaya yang tersendiri terdapat di sini (Perbadanan Muzium Melaka, 1998).

Dengan khazanah yang tidak ternilai ini, Pusat Bandar Lama Melaka telah diwartakan sebagai zon pemeliharaan gred satu di dalam Rancangan Struktur Melaka Bandaraya Bersejarah, dimana ia secara langsung diletakkan dibawah kawalan pembangunan yang ketat dan rapi (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka, 1996). Pada tahun 1988 ia telah diwartakan sebagai kawasan bersejarah dengan terbentuknya '*Conservation and Preservation of Cultural Heritage Enactment*' dan seterusnya telah diwartakan pula sebagai bandaraya bersejarah oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1989 (Perbadanan Muzium Melaka, 1998).

1.7 Struktur Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini dapat dibahagikan kepada enam bahagian utama. Pembahagian ini dibuat berasaskan peringkat dan pendekatan kajian bagi memastikan ianya dapat dijalankan secara teratur dan jelas. Bahagian-bahagian yang terkandung di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Bahagian satu - merupakan peringkat awalan kepada kajian dimana kandungan penting bahagian ini ialah penerangan berkenaan arah tuju dan fokus kajian yang dijalankan. Ini termasuklah seperti penentuan matlamat dan objektif, pendekatan kajian, kaedah kajian dan

pemilihan kawasan kajian. Bahagian ini merupakan pengenalan dan struktur asas kepada kajian secara keseluruhan di samping menerangkan tentang kepentingan kajian yang dijalankan.

- ii. Bahagian dua - sebelum memulakan kajian secara empirikal, kajian teoritikal akan didahului bagi membentuk kefahaman dan rangka kerja yang bersesuaian di dalam kajian ini. Bahagian ini akan menghuraikan tentang teori-teori yang berkaitan dengan persepsi manusia kepada persekitarannya, termasuklah *imej*, *identiti*, *karektor*, *'sense of place'*, *'spirit of place'*, *'genius loci'* dan sebagainya.
- iii. Bahagian tiga - bahagian ini akan menerangkan tentang teknik yang digunakan dan rasional pemilihannya. Di samping itu pendekatan dan proses pengumpulan maklumat juga akan diterangkan secara terperinci. Umumnya, kandungan bahagian ini lebih tertumpu kepada huraian dan penilaian keatas pendapat para ilmuan tentang metodologi yang bersesuaian untuk digunakan di dalam kajian yang seumpama ini. Dengan rasional dan pertimbangan yang tepat kajian ini diharap dapat memenuhi spesifikasi kajian yang baik, tidak meragukan dan sesuai untuk digunakan.
- iv. Bahagian empat - latarbelakang kawasan kajian akan dibincangkan di dalam bahagian ini. Aspek yang akan disentuh meliputi latarbelakang sejarah, corak dan imej bandar serta ciri-ciri persekitaran mengikut blok berdasarkan kepada pengamatan penyelidik. Kandungan di dalam bahagian ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh bagi memudahkan kajian yang melibatkan persepsi responden pada bahagian yang seterusnya.
- v. Bahagian lima - analisis data dari kajian lapangan akan dibuat di dalam bahagian ini. Maklumat dari kajian soalselidik, temubual dan lakaran peta mental responden yang dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif akan dibincangkan secara terperinci. Secara amnya,

penemuan utama yang akan diuraikan di sini meliputi elemen dan kualiti yang mempengaruhi karektor yang penting dan menonjol bagi kawasan kajian. Bahagian ini adalah peringkat yang penting dimana penemuan dari analisisnya merupakan teras utama kepada kajian yang dijalankan.

- vi. *Bahagian enam* - bahagian ini adalah peringkat akhir kajian dimana kesemua penemuan dari analisis akan dirumuskan menjadi satu kesimpulan akhir yang menjurus kepada matlamat dan objektif kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Bandar boleh diumpamakan sebagai satu sel yang hidup, dimana ia akan lahir, hidup, dan berkembang. Sebaliknya, ia juga boleh mati dan bertukar mengikut keadaan yang mana mungkin sukar untuk kita kawal (Sylvia Crowe dan Zvi Miller, 1964). Justeru, menangani perubahan secara simpatatik merupakan salah satu dari cabaran kepada pihak yang terlibat dengan bidang rekabentuk bandar. Untuk menyeimbangi pembangunan dengan pemeliharaan, kita seharusnya memahami apakah kualiti yang menjadikan sesebuah tempat itu istimewa dan bagaimanakah untuk memelihara elemen-elemen yang telah dikenalpasti tersebut. Usaha ini sebenarnya telahpun dibuat secara berterusan oleh sarjana barat sejak sekitar tahun 40-an lagi (Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya bersejarah, 2002). Oleh itu, usaha yang sama seharusnya perlu dilakukan ke atas bandar kajian bagi mengenalpasti dan seterusnya memelihara karektor yang penting dari sudut sejarah dan kebudayaannya.

Di Malaysia, pelbagai usaha telah dibuat bagi menjaga nilai warisan bandar lama di negara kita. Ini termasuklah dari sudut perundangan (seperti Akta Benda Purba 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, garis panduan dan kajian-kajian

mengenai rekabentuk dan pemeliharaan bandar lama. Namun begitu, masih terdapat pembangunan baru dan usaha pemeliharaan yang seringkali memusnahkan karektor dan identiti sedia ada sesuatu bandar. Antara punca masalah ini ialah kurangnya kajian dan pemahaman terperinci mengenai karektor asal sesebuah bandar yang menyumbangkan kepada semangat dan ciri-ciri ketempatan ke atasnya.

Setakat ini, penyelidikan yang seumpama ini khususnya pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah masih lagi kecil jumlahnya. Antara penyelidikan utama yang memberi fokus terhadap imej bandar di Malaysia ialah Shuhana (1997), Mahbob Salim (1992) dan Syed Zainol Abidin Idid (1985). Bagaimanapun, kesemua penyelidikan mereka berdasarkan kes kajian yang berbeza dengan penyelidikan yang akan dijalankan ini. Shuhana dalam penyelidikannya yang bertajuk *'Identity of Place: A Case Study of Kuantan Town Centre'*, mengenalpasti elemen dan kualiti yang menyumbangkan identiti berdasarkan persepsi responden. Di samping itu, beliau juga cuba melihat perbezaan persepsi responden berdasarkan faktor sosio budaya dan kawasan yang berbeza (kawasan lama dan moden) di dalam pusat bandar Kuantan.

Mahbob Salim dalam penyelidikan bertajuk *'Aspects of Urban Design With Special Reference To Image and Identity in Built form – Case Study of Kuala Lumpur'*, telah mengkaji unsur-unsur imej bandar kajian dan bagaimana bentuk fizikal bandar mempengaruhi persepsi orang awam. Beliau juga telah melihat kepentingan bangunan dalam menstrukturkan imej bandar serta mengkaji bagaimana manusia meletakkan makna tertentu kepada persekitaran bandar. *'The Alternative Approach in Expressing Malaysian National Identity – Human Aspects in Built form'* oleh Syed Zainol Abidin Idid pula secara amnya memperlihatkan tentang hubungan antara corak aktiviti masyarakat Malaysia dengan alam binaannya. Selain itu, beliau juga telah menterjemahkan identiti Malaysia dari perspektif aktiviti dan cara hidup masyarakat tempatan, sebagai satu lagi alternatif kepada identiti negara.

Menurut Manley dan Guise (1998), bagi memastikan usaha pemeliharaan secara efektif, ianya perlu melibatkan penilaian ke atas karektor bandar dimana merupakan elemen terpenting di dalam proses tersebut. Selagi sebahagian besar keaslian bandar lama di negara kita masih lagi wujud, usaha mengkaji dan mendokumentasikan karektor asalnya harus dilakukan. Hasil dari usaha ini dapat dijadikan asas rujukan atau garispanduan kepada sebarang pembangunan baru dan pemeliharaan bandar agar ianya sentiasa selari dengan karektor-karektor yang telah dikenalpasti. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan kepupusan karektor bandar secara tidak ketara kesan dari perubahan masa dan tekanan modenisasi dari masa kesemasa.

Rajah 1.3: Carta alir Penyelidikan

